

Optimis laksana subsidi petrol bersasar

Kepala Batas: Kerajaan optimis mampu melaksanakan subsidi petrol bersasar kepada golongan B40 yang layak sebelum "Belanjawan 2020 dibentangkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya bersama Kementerian Kewangan (MOF) sedang menyiapkan memo bersama berhubung pelaksanaan itu yang akan dibentangkan kepada jemaah menteri dalam masa terdekat.

Katanya, KPDNHEP dan MOF sudah mengadakan perbincangan baru-baru ini bagi mencari formula dan mekanisme terbaik untuk memuktamadkan pelaksanaan satu daipada janji Pakatan Harapan (PH) itu.

"Dalam mesyuarat itu, kedua-dua pihak menemui kaedah yang munasabah dan akan menyiapkan memo bersama

mengenai pelaksanaannya sebelum dibentangkan kepada jemaah menteri dengan kadar segera.

"Melalui pembentangan itu nanti, kita akan mendapat tarikh tepat untuk melaksanakan janji ini termasuk mengetahui jumlah subsidi dan penerima yang layak," katanya ketika dijumpai pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri KPDNHEP Pulau Pinang, di sini, semalam.

Katanya, formula dan mekanisme mengenai pelaksanaan subsidi petrol bersasar mungkin tidak sempurna pada peringkat awal, tetapi KPDNHEP dan MOF akan cuba mencari kesempuran apabila dilaksanakan kelak.

Saifuddin berkata, pelbagai perkara diperhalusi dalam melaksanakan subsidi petrol bersasar itu sejak ia diumumkan November tahun lalu.